

PNB
Permodalan Nasional Berhad
KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
26 Jun 2023

PNB MEMPERLIHATKAN KETAHANAN

Pendekatan Progresif dan Mengutamakan Kelestarian Mendorong Penciptaan Nilai untuk Pihak Berkepentingan

- Jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) Permodalan Nasional Berhad (PNB) meningkat kepada RM341.6 bilion, Unit dalam Edaran (UIC) untuk semua dana terus meningkat kepada 282.9 bilion unit manakala bilangan akaun baharu juga meningkat sebanyak 400,000 di seluruh negara kepada 15.2 juta akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (TK2022).
- PNB telah mencapai kemajuan yang signifikan sejak pengenalan Rangka Kerja Kelestarian, melonjakkan syarikat ke barisan hadapan landskap ESG.

Kuala Lumpur, 26 Jun 2023 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan Laporan Tahunan Bersepadu (IAR) pertamanya untuk TK2022, menandakan komitmen organisasi untuk meningkatkan standard dan ketelusan pelaporannya, sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Semasa sesi tersebut, PNB berkongsi pencapaian utama, membentangkan gambaran keseluruhan prestasi pada 2023 dan memperjelas perjalanan berterusannya ke arah kelestarian. Melalui penerbitan IAR ini, PNB menyasarkan untuk menyediakan laporan komprehensif tentang kemajuan, cabaran dan peluangnya sambil menekankan komitmen terhadap penciptaan nilai.

SOROTAN DAN PRESTASI UTAMA TK2022

PNB telah mencapai pertumbuhan yang mampan sebagai sebuah institusi pelaburan seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam Aset di Bawah Pengurusan (AUM) daripada RM322.6 bilion pada TK2021 kepada RM341.6 bilion pada TK2022.

Pertumbuhan ini mencerminkan sokongan tidak berbelah bagi pelabur jangka panjang Kumpulan, seterusnya dibuktikan oleh peningkatan Unit dalam Edaran (UIC) untuk semua dana, yang kini berjumlah 282.9 bilion unit. Di samping itu, PNB telah menyaksikan peningkatan dalam bilangan akaun baharu di seluruh negara, mencecah jumlah keseluruhan 15.2 juta akaun, dengan penambahan sebanyak 400,000 akaun.

Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, menekankan pendekatan progresif yang diambil oleh PNB dalam menghadapi keadaan pasaran yang mencabar. "PNB berpegang teguh dalam komitmennya untuk meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia. Melalui pelaksanaan strategi yang mantap dan kemajuan inisiatif yang tertumpu kepada daya tahan, tadbir urus dan kelestarian, kami telah menjana pulangan kompetitif secara konsisten untuk pemegang unit kami. Kami terus tangkas dengan mempertingkatkan keupayaan operasi kami, mengembangkan penawaran produk kami dan memperkasakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan kewangan yang diperlukan."

KEMAJUAN BERTERUSAN DALAM PERJALANAN KELESTARIAN

Di samping komitmen terhadap prestasi kewangan, PNB juga telah mencapai kemajuan ketara dalam perjalanan kelestariannya terutamanya dengan menggariskan laluan yang jelas ke arah mencapai pelepasan sifar bersih pada kedua-dua peringkat Perusahaan dan Portfolio. Rangka Kerja Kelestarian PNB, yang dilancarkan pada April 2022, menggariskan 10 komitmen Kumpulan bagi memacu perniagaan dengan pelaburan sejajar ESG untuk pulangan yang mampan dan kompetitif.

Alam Sekitar

PNB menjalankan inisiatif garis dasar pelepasan gas rumah kaca (GHG) yang menyeluruh untuk memahami dan mengukur kesan pelaburan portfolionya. Analisis tersebut mendedahkan bahawa pelepasan portfolio PNB berjumlah 11.8 juta tCO₂e, dengan pelepasan perusahaan PNB berjumlah 27,495 tCO₂e. Berlandaskan garis dasar ini, PNB akan memantau dan merujuk pelepasan GHGnya, berusaha ke arah matlamat Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025. PNB telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menyokong matlamat ini, termasuk melanggan Tarif Elektrik Hijau Tenaga Nasional Berhad dan mengambil bahagian dalam lelongan kredit karbon di *Bursa Carbon Exchange* yang diadakan buat julung kalinya. Selain itu, PNB telah mengguna pakai rangka kerja Pasukan Petugas untuk Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim atau *Task Force on Climate Related Financial Disclosures* (TCFD) bagi menambah baik pelaporan dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan, sekaligus meningkatkan pengurusan tindakan iklimnya.

PNB juga komited untuk melabur RM10 bilion dalam aset baharu hijau dan peralihan menjelang 2030. Pelaksanaan fasa awal pelaburan hijau akan dicapai terutamanya dengan menilai dan mengkategorikan aliran urus niaga sedia ada merentas semua kelas aset untuk mengenal pasti pelaburan yang telah dijajarkan dengan taksonomi hijau dalam PNB. Untuk meningkatkan pelaburan ke arah komitmen RM10 bilion tersebut, PNB juga sedang giat

meneroka kerjasama dengan pasukan kelas aset bagi menilai "cadangan hijau" baharu dan memangkinkan penggunaan yang lebih bersasar. Usaha ini akan ditumpukan kepada sektor vertikal utama iaitu (i) Pengangkutan hijau (ii) Bangunan hijau (iii) Tenaga bersih (iv) Penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan (v) pasaran Hidrogen & Karbon.

Sosial

PNB telah memperkenalkan Dasar Hak Buruh, yang berfungsi sebagai rangka kerja komprehensif kepada PNB dan syarikat pelaburannya untuk menangani isu penting seperti gaji wajar, kepelbagaian dan keterangkuman, serta keselamatan dan kesihatan. Dari segi menggalakkan ekuiti dan keterangkuman, PNB telah mencapai keseimbangan gender dalam tenaga kerjanya, dengan wanita mewakili 36% dalam pasukan pengurusan kanan, dan kami kini berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran 40% wanita menjelang 2025. Pada TK2022, PNB memperuntukkan lebih RM13 juta untuk pelbagai aktiviti peningkatan komuniti.

Tadbir Urus

PNB telah mengambil pendekatan Model Pengawasan *Triple Bottom Line* untuk menyelaraskan aktiviti syarikat pelaburannya secara berkesan dengan matlamat kolektifnya. Teras kepada pendekatan ini ialah penekanan penting terhadap ketelusan. PNB terlibat secara aktif dengan syarikat pelaburannya untuk menekankan kepentingan ketelusan yang dipertingkatkan dalam proses membuat keputusan penting. Sebagai yang pertama di negara ini, PNB menerbitkan keputusan pengundian yang lepas dan akan datang untuk setiap mesyuarat agung tahunan di laman webnya, disertai dengan dasar dan garis panduan pengundian.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Baru-baru ini, PNB telah meningkatkan had pelaburan dalam dana-dana ASB, ASB 2 dan ASM. Ahmad Zulqarnain menekankan kepentingan memahami kesan menabung dan melabur untuk jangka masa panjang. "PNB telah meningkatkan had untuk tiga dana ini bagi membolehkan penyertaan lebih besar daripada masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia. Kami berharap orang ramai akan mengambil peluang untuk menambah simpanan dan pelaburan dengan peningkatan had pelaburan individu dalam ASB dan ASB 2 serta peningkatan saiz dana ASM ini."

"PNB mengiktiraf kepentingan pelaburan yang bertanggungjawab dan kesannya kepada generasi akan datang. Kami bertekad dalam komitmen kami untuk membina masa hadapan yang lestari. Kami menghayati tujuan dan mandat kami sambil menyumbang secara aktif

kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara,” tambah Ahmad Zulqarnain.

Sebagai sebuah organisasi yang dipercayai, PNB berusaha untuk menjadi mercu tanda kestabilan dan yang dipercayai dalam industri kewangan. PNB akan meneruskan misinya menyemai minda menabung dan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan memperkasakan mereka bagi menjamin kesejahteraan kewangan dan mencapai matlamat jangka panjang mereka.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan antara syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad